

## SENARAI SEMAK PENGINAPAN PEKERJA ASING

Bil.	Perkara	Semakan sila tanda (✓)
1.	Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan / <i>Certificate of Completion and Compliance</i> (CCC); atau kelulusan Permit Bangunan bagi suatu tempoh terhad yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (bagi bangunan kediaman sementara); atau kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menukar kegunaan bangunan daripada bangunan bukan kediaman kepada bangunan untuk tujuan kediaman.	
2.	Keluasan ruang bertutup bagi seorang pekerja: 4.5 meter persegi; atau keluasan ruang tidur atau ruang rehat tidak kurang daripada 3 meter persegi.	
3.	Semua kemudahan dan ruang dalam bangunan kediaman hendaklah digunakan bagi tujuan penginapan sahaja.	
4.	Kemudahan-kemudahan asas seperti dapur, bilik mandi, tandas, ruang tamu, ruang makan dan stor yang sedia ada hendaklah kekal digunakan seperti tujuan asal dan tidak boleh diubah suai sebagai ruang tidur pekerja.	
5.	Setiap unit penginapan pekerja hendaklah disediakan dengan kemudahan sanitari iaitu sekurang-kurangnya: (a) satu tandas dan satu bilik mandi untuk setiap lima belas orang pekerja; atau (b) satu tandas dan satu bilik mandi berasingan beserta urinal untuk setiap dua puluh lima orang pekerja	
6.	Kemudahan-kemudahan asas lain yang perlu disediakan termasuk kompor gas, air dan bekalan elektrik	
7.	Kemudahan asas minimum untuk setiap pekerja yang tidak boleh dikongsi: a) katil yang mempunyai ukuran tidak kurang daripada 1.7 meter persegi. Jika katil bertingkat disediakan ruang antara dua katil itu hendaklah tidak kurang daripada 0.7 meter, b) tilam dan bantal; dan c) Almari pakaian berkunci berukuran tidak kurang 0.35 meter panjang, 0.35 meter lebar dan 0.9 meter tinggi.	
8.	Suatu unit bangunan kediaman tidak boleh dikongsikan oleh pekerja asing yang berlainan jantina	
9.	Pengalihudaraan dan cahaya semulajadi yang mencukupi.	

## LAMPIRAN 6

Bil.	Perkara	Semakan sila tanda (\)
10.	Tandas, bilik mandi dan dapur dijaga dalam keadaan bersih dan boleh digunakan.	
11.	Persekutaran halaman dan bangunan sentiasa dalam keadaan selamat dan bersih.	
12.	Kemudahan tempat membuang sampah disediakan.	
13.	Pendawaian elektrik tidak dibuat tanpa kelulusan pihak berkuasa.	
14.	Peti kecemasan dan alat pemadam api yang mencukupi disediakan.	

Nota: Senarai semak ini tidak terpakai kepada majikan sektor perladangan dan pembinaan